## PERMOHONAN KEMASUKAN
## KE PROGRAM IJAZAH PERTAMA PENGAMBILAN SEMESTER KEDUA SESI 2006/2007

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Senat UUM. Pemohon perlu memenuhi Syarat Am serta Syarat Khas Program untuk kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian di Universiti Utara Malaysia.

**PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN:**

| BIL | KOD | PROGRAM |
|---|---|---|
| 1 | UA 02 | Sarjana Muda Komunikasi dgn. Kepujian |
| 2 | UC 01 | Sarjana Muda Teknologi Maklumat dgn. Kepujian |
| 3 | UC 12 | Sarjana Muda Multimedia dgn. Kepujian |
| 4 | UE 02 | Sarjana Muda Perakaunan dgn. Kepujian |
| 5 | UE 17 | Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dgn. Kepujian |
| 6 | UL 00 | Sarjana Muda Undang-Undang dgn. Kepujian |
| 7 | UP 01 | Sarjana Muda Pengurusan Awam dgn. Kepujian |
| 8 | UP 17 | Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan dgn. Kepujian |
| 9 | UP 08 | Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dgn. Kepujian |
| 10 | UP 38 | Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti dgn. Kepujian |
| 11 | UP 10 | Sarjana Muda Peng. Perniagaan Antarabangsa dgn. Kepujian |
| 12 | UP 11 | Sarjana Muda Peng. Hal Ehwal Antarabangsa dgn. Kepujian |
| 13 | UP 16 | Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dgn. Kepujian |
| 14 | UG 33 | Sarjana Muda Matematik Perniagaan dgn. Kepujian |
| 15 | UG 06 | Sarjana Muda Statistik Industri dgn. Kepujian |
| 16 | UG 22 | Sarjana Muda Sains Pemutusan dgn. Kepujian |
| 17 | UE 07 | Sarjana Muda Kewangan dgn. Kepujian |
| 18 | UP 15 | Sarjana Muda Perbankan dgn. Kepujian |
| 19 | UP 36 | Sarjana Muda Peng. Risiko & Insuran dgn. Kepujian |
| 20 | UE 23 | Sarjana Muda Kewangan & Perbankan Islan dgn. Kepujian |
| 21 | UP 04 | Sarjana Muda Kaunseling dgn. Kepujian |
| 22 | UP 03 | Sarjana Muda Peng. Perniagaan dgn. Kepujian |
| 23 | UP 22 | Sarjana Muda Pemasaran dgn. Kepujian |
| 24 | UP 35 | Sarjana Muda Keusahawanan dgn. Kepujian |
| 25 | UP 21 | Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dgn. Kepujian |
| 26 | UP 37 | Sarjana Muda Peng. Perniagaan (Logistik & Pengangkutan) dgn. Kepujian |

**SYARAT AM UNIVERSITI:**

1. Lulus SPM/Setaraf dengan kepujian dalam Bahasa Melayu dan Lulus Bahasa Inggeris; **DAN**
2. Mempunyai kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh Lembaga Akriditasi Malaysia (LAN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kelulusan yang baik dan ada kaitan dengan program yang ditawarkan; **DAN**
3. Telah mengambil dan lulus Malaysian University English Test (MUET)

## SYARAT KHAS PROGRAM:

| BIL | (i) Program Pengajian<br>(ii) Kod<br>(iii) Tempoh Pengajian | Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf |
|---|---|---|
| **FAKULTI KEWANGAN DAN PERBANKAN** | | |
| 01 | Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian<br>**UE07**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| 02 | Sarjana Muda Perbankan dengan Kepujian<br>**UP15**<br>6 semester | |
| 03 | Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans dengan Kepujian<br>**UP36**<br>6 semester | |
| 04 | Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepujian<br>**UE23**<br>6 semester | |
| **FAKULTI KOMUNIKASI DAN BAHASA MODEN** | | |
| 05 | Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian<br>**UA02**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| **FAKULTI PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ALAM SEKITAR** | | |
| 06 | Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian<br>**UP08**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Kepujian Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3). |
| 07 | Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti dengan Kepujian<br>**UP38**<br>8 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Kepujian Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3). |

| BIL | (i) Program Pengajian<br>(ii) Kod<br>(iii) Tempoh Pengajian | Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf |
|---|---|---|
| **FAKULTI PENGAJIAN ANTARABANGSA** | | |
| 08 | Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa dengan Kepujian<br>**UP10**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Mempunyai Diploma yang setaraf dari mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Senat UUM dengan memperolehi PNGK minima 2.50;<br>**dan**<br>Kepujian Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3). |
| 09 | Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa dengan Kepujian<br>**UP11**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Mempunyai Diploma yang setaraf dari mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Senat UUM dengan memperolehi PNGK minima 2.50;<br>**dan**<br>Kepujian Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3). |
| **FAKULTI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN MANUSIA** | | |
| 10 | Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian<br>**UP04**<br>8 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2).<br><br>**dan**<br>Lulus temuduga yang dijalankan. |
| **FAKULTI PENGURUSAN AWAM DAN UNDANG-UNDANG** | | |
| 11 | Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian<br>**UP01**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| 12 | Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan dengan Kepujian<br>**UP17**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |

| BIL | (i) Program Pengajian<br>(ii) Kod<br>(iii) Tempoh Pengajian | Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf |
|---|---|---|
| **FAKULTI PENGURUSAN AWAM DAN UNDANG-UNDANG** | | |
| 13 | Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian<br>**UL00**<br>8 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Mempunyai Diploma Pentadbiran Awam atau Diploma Undang-undang UiTM atau Diploma yang setaraf dari mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Senat UUM dengan memperolehi PNGK minima 2.75;<br><br>Kepujian Bahasa Inggeris di peringkat SPM;<br><br>**dan**<br>Lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3). |
| **FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN** | | |
| 14 | Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan Kepujian<br>**UP03**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| 15 | Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian<br>**UP21**<br>8 semester | |
| 16 | Sarjana Muda Pemasaran dengan Kepujian<br>**UP22**<br>8 semester | |
| 17 | Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian<br>**UP35**<br>8 semester | |
| 18 | Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Logistik dan Pengangkutan) dengan Kepujian<br>**UP37**<br>8 semester | |
| **FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI** | | |
| 19 | Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian<br>**UP16**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |

| BIL | (i) Program Pengajian<br>(ii) Kod<br>(iii) Tempoh Pengajian | Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf |
|---|---|---|
| **FAKULTI PERAKAUNAN** | | |
| 20 | Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian<br>**UE02**<br>8 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Mempunyai Diploma Perakaunan atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti dengan PNGK minima 2.75;<br><br>**dan**<br>Kepujian Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3). |
| 21 | Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dengan Kepujian<br>**UE17**<br>8 semester | |
| **FAKULTI SAINS KUANTITATIF** | | |
| 22 | Sarjana Muda Sains Pemutusan dengan Kepujian<br>**UG22**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| 23 | Sarjana Muda Statistik Industri dengan Kepujian<br>**UG06**<br>7 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| 24 | Sarjana Muda Matematik Perniagaan dengan Kepujian<br>**UG 33**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| **FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT** | | |
| 26 | Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian<br>**UC01**<br>6 semester | **MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI<br>DAN<br>SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>Lulus Bahasa Inggeris/ English for Science & Technology (EST) di peringkat SPM atau lulus MUET sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2). |
| 26 | Sarjana Muda Multimedia dengan Kepujian<br>**UC12**<br>6 semester | |

**CARA MEMOHON:**

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan yang boleh dibeli dengan mengambil sendiri atau melalui pos dengan mengirimkan sampul surat 20cm x 26cm beralamat sendiri dan bersetem RM0.50 dan disertakan slip salinan bayaran berjumlah RM10.00 ke alamat berikut :

**UNIT KEMASUKAN DAN PROMOSI**
**JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK**
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**
**06010 SINTOK**
**KEDAH DARUL AMAN**

Bayaran hendaklah dibuat di mana-mana cawangan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) menggunakan **Slip Pembayaran Bil *(Bill Payment Slip)*** serta menyatakan ***"Payee Code 340"*** semasa membuat bayaran di kaunter cawangan BIMB.

Borang permohonan juga boleh dicetak melalui internet dengan melawati laman web berikut :

**http://www.uum.edu.my/hea**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 SEPTEMBER 2006**.

***Sila catatkan 'PERMOHONAN SEMESTER KEDUA' dan nama program yang dipohon di sudut kiri sebelah atas sampul surat.***

***Permohonan ini tidak dibuka kepada guru-guru yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.***

# SENARAI SEMAK
# PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM IJAZAH PERTAMA
# SEMESTER KEDUA SESI 2006/2007

Universiti Utara Malaysia (UUM) mengucapkan terima kasih kepada saudara/i yang berminat memasuki UUM untuk mengikuti Program Ijazah Pertama Pengambilan Semester Kedua Sesi 2006/2007.

**PERHATIAN:**

1) Pemohon boleh memohon LIMA (5) program di dalam satu (1) borang permohonan. Keutamaan ialah kepada program yang diletakkan di bawah Pilihan Pertama dan mempunyai kaitan dengan Diploma yang dipilih. Walau bagaimanapun, pemohon akan ditawarkan program lain sekiranya program-program yang dipilih telah memenuhi kuota.

2) Program yang ditawarkan kepada pemohon adalah muktamad dan sebarang rayuan untuk bertukar program tidak akan dipertimbangkan.

3) Permohonan yang tidak mendapat sebarang jawapan selepas **24 Disember 2006** dianggap tidak berjaya.

4) Sesi kuliah Semester Kedua Sesi 2006/2007 bermula **06 Januari 2007**. Pemohon yang berjaya akan melapor diri satu (1) minggu lebih awal untuk menjalani Program Suaikenal.

5) Permohonan dari mereka yang sedang mengikuti Program Ijazah Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain tidak akan dipertimbangkan.

6) Tawaran akan dibatalkan sekiranya Universiti mendapati terdapat maklumat yang diberikan tidak benar/palsu walaupun pelajar telah melapor diri.

**Sebelum mengemukakan permohonan, sila pastikan semua keperluan dan dokumen yang dikehendaki adalah lengkap seperti berikut:-**

1. Yuran proses sebanyak RM 40.00
   (RM30.00 untuk bayaran proses dan RM 10.00 untuk bayaran permohonan) ☐
2. Satu salinan kad pengenalan ☐
3. Satu salinan keputusan SPM yang disahkan ☐
4. Satu salinan keputusan STPM yang disahkan (jika ada) ☐
5. Satu salinan sijil MUET yang disahkan ☐
6. Satu salinan Diploma dan Transkrip yang disahkan ☐
7. Satu salinan sijil akademik lain yang disahkan (jika ada) ☐
8. Surat asal perakuan/pengesahan majikan bagi mereka yang mempunyai pengalaman kerja. ☐

*** Kegagalan mematuhi perkara (1)-(8) akan menyebabkan borang permohonan tidak lengkap dan ia tidak akan dapat dipertimbangkan.**